

Migrasi dan Lanskap Baharu Dialek di Johor

Migrations and New Dialect Landscapes of Johor

NOR HASHIMAH JALALUDDIN, KHAIRUL ASHRAAF SAARI, HARISHON RADZI & FAZAL MOHAMED MOHAMED SULTAN

ABSTRAK

Pengaruh migrasi antara wilayah dan dalam wilayah telah menjadikan negeri Johor sebagai salah sebuah negeri yang rencam dengan kepelbagaian subdialek dan bahasa. Faktor sebaran bahasa standard kelainan /ə/ (schwa) yang berpusat di negeri Johor tidak mampu menghalang perubahan dan penggunaan bahasa migran yang berpunca daripada penghijrahan. Pendapat Asmah (1986) yang mengkategorikan tiga sub dialek di Johor boleh dihurai semula dalam kajian ini. Kajian ini memfokuskan pada pengenalanpastian bahasadan dialekyang digunapakai di negeri Johor; kesan migrasi lantas membentuk peta lanskap isoglos baharu dialek di negeri Johor berbantuan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS). Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan sepenuhnya dengan melibatkan 123 buah kampung dengan 900 orang informan kajian dan 40 data leksikal di seluruh negeri Johor. Informan yang terdiri daripada golongan remaja, dewasa dan tua telah membantu memberikan input dialek dan bahasa yang dituturkan di Johor. Kajian ini telah berjaya menggantikan pengkategorian tiga sub dialek oleh Asmah. Pada masa yang sama, kajian ini memperlihatkan empat penggunaan bahasayang ketara ditemui selain dialek Johor iaitu bahasa Jawa, Bugis, Banjar, danMinang kesan dari migrasi antara wilayah. Kesan migrasi dalam wilayahjuga menunjukkan wujudnya dialek Melayu Kelantan, dialek Melayu Terengganu dan dialek Melayu Melaka dituturkan di Johor.Natijahnya, migrasikhususnya yang melibatkanantara wilayah dan dalam wilayah ini secara tidak langsung telah mencorakkan lanskap penggunaan dialek dan bahasa yang baharu di negeri Johor.

Kata kunci: migrasi; antara wilayah; dalam wilayah; dialek Johor; Sistem Maklumat Geografi

ABSTRACT

The influence of inter-regional and intra-regional migration has made the state of Johor as one of the most vibrant in the variation of subdialects and languages. The factor for the distribution of the standard language of /ə/ (schwa) which centralized in Johor was not able to prevent the changes and the usage of migrants languages, which resulted from the migration. Asmah(1986)'s suggestion to categorize three sub-dialects of Johor Malay language will be reiterated in this study. This study focuses on the identification of languages and dialects used in the state of Johor; the effects of migration and mapping new isoglosses in dialect landscapes in the state of Johor by utilizing the Geographic Information System (GIS) software. The study implemented a field study method that involved 123 villages with 900 informants and 40 lexical data throughout Johor. Informants are teenagers, adults and the elderly who helped to provide dialects and languages input in Johor. This study has successfully replaced the categorization of three sub-dialects by Asmah. At the same time, this study showed four significant use of languages other than the Johor dialects such as Javanese, Bugis, Banjar and Minang as a result of inter-regional migration. The effect of intra-regional migration also shows that there are Malay dialects of Kelantan, Terengganu and Malacca spoken in Johor. As a result, migrations in particular that involve the inter-region and intra- regional have indirectly paved the landscape for the use of new dialects and languages in the state of Johor.

Keywords: migration; inter-regional;intra-regional; Johor dialect; Geographic Information System

PENGENALAN

Penghijrahanatau migrasi sesuatu kelompok dari sesuatu lingkungan ke suatu lingkungan merupakan satu fenomena biasa.Penghijrahan melibatkan kedatangan masyarakat Bugis, Minang Banjardan Minang khususnya menerusi diaspora

Indonesia ke Malaysia telah berlaku sejak abad ke-9 lagi (Ramzay 1956; Tunku Shamsul Bahrin 1967 dalam Mohamad Fauzi 2009). Tujuan utama kedatangan masyarakat luar ke Malaysia adalah disebabkan oleh faktor perdagangan, membuka tanah dan bertani serta menyebarkan ajaran Islam (Mohamad Fauzi 2009).Selain mampu memberikan

implikasi terhadap komposisi penduduk di sesuatu kawasan, amalan penghijrahan ini juga mampu mempamerkan kepelbagaian penggunaan bahasa yang beraneka di kawasan yang dihijrahi. Pemilihan negeri Johor oleh penghijrah sebagai kawasan penghijrahan adalah disebabkan oleh faktor seperti kemodenan, kemudahan sumber keperluan asas dan daya pemikiran pemimpin yang dimiliki di negeri Johor. Selepas kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka pada 1511 ke tangan Portugis, negeri Johor telah menerajui kegemilangan tamadun kesultanan Melayu Melaka sehingga mampu menarik perhatian penghijrah luar untuk membuka penempatan di negeri tersebut. Kemeriahan para penghijrah luar ke negeri Johor juga turut diperincikan oleh Ikhwan (2013) dalam Mifedwil Jandral et al. (2015) yang menyatakan bahawa komposisi penduduk Melayu di Johor adalah sebanyak 48%, namun 50% daripada nilai tersebut adalah penduduk Melayu Jawa, 12% adalah penduduk Melayu Bugis, 8% adalah Melayu Johor dan 30% lain-lain. Oleh yang demikian, tidak hairanlah selain daripada kerencaman bahasa, negeri Johor juga amat kaya dengan unsur kebudayaan yang dibawa masuk oleh golongan penghijrah. Nik Abdul Rahman dan Ab. Razak (2010) menyatakan bahawa suku kaum yang berhijrah daripada pelbagai daerah dari Kepulauan Melayu mampu membawa kepelbagaian budaya dan seterusnya mampu membentuk suatu identiti seni khususnya melibatkan penghijrah dari antara wilayah.

Penghijrahan antara wilayah merujuk kepada golongan yang berhijrah di antara sesuatu wilayah ke wilayah yang berlainan. Kesan daripada proses asimilasi dan akulturasi daripada penghijrahan antara wilayah ini secara tidak langsung telah membentuk beberapa budaya yang pelbagai di sesuatu kawasan. Kajian tentang penghijrahan pernah dikupas oleh Nor Hashimah et al. (2017 dan 2019b) yang memperihalkan penghijrahan masyarakat Thai ke Langkawi dan oleh Fazal et al. (2019) yang mengkaji penghijrahan masyarakat Thai di Pulau Pinang. Manakala kajian Siti Noraini dan Nor Hashimah (2018) membuktikan bagaimana masyarakat Patani dapat mengekalkan dialek mereka di utara Perak khususnya Lenggong kesan dari penghijrahan mereka akibat peperangan antara kerajaan Melayu dan Siam. Budaya berniaga seperti kedai makanan dan barangan runcit dengan produk dari negara Thai memudahkan kita mengenali masyarakat Thai di utara Malaysia. Malah ramai penghijrah Thai bekerja sebagai penoreh getah. Ditambah pula dengan penggunaan leksikal yang boleh menjadi identiti mereka. Berlainan pula

dengan masyarakat penghijrah di Johor. Ciri masyarakat penghijrah boleh diperlihatkan menerusi pengamalan budaya rewang yang merupakan suatu budaya gotong royong tradisional masyarakat Jawa yang telah dipraktikkan secara meluas di negeri Johor (Zainorinyana Jmoran dan Vivien Yew 2017). Pengamalan amalan kerja sosial seperti aktiviti rewang secara tidak langsung dapat memperlihatkan pembauran budaya dalam kalangan masyarakat setempat seperti menerusi amalan majlis perkahwinan, kenduri kesyukuran dan sebagainya. Selain daripada kepelbagaian bahasa yang dibawa oleh golongan antara wilayah ini, penghijrahan melibatkan dalam wilayah juga turut menyumbang kepada kerencaman lanskap dialek Johor. Penghijrah dalam wilayah pula merujuk kepada golongan penghijrah yang menjalankan penghijrahan dalam sesuatu wilayah sahaja. Kerencaman pola penghijrah dalam wilayah ini boleh diperlihatkan menerusi Mersing utara di Johor yang mengamalkan budaya masyarakat Pantai Timur. Penggunaan dialek atau bahasa natif oleh golongan penghijrah secara tidak langsung bakal menjadi agen utama perubahan pada naratif lanskap dialek di negeri Johor.

Pencirian lanskap dialek khususnya di Johor mampu menunjukkan kepelbagaian yang bervariasi berdasarkan faktor sejarahwi penghijrahan oleh masyarakat '*Melayu Dagang*' ke negeri tersebut. Hal ini boleh dibuktikan dengan penemuan oleh penasihat Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Nik Safiah Karim et al. (1994). Beliau menyenaraikan penggunaan dialek di Johor kepada beberapa ragam seperti wujudnya subdialek Melayu Terengganu, subdialek Melayu Pahang, subdialek Melayu Negeri Sembilan, subdialek Melayu Melaka dan subdialek Melayu Lenga. Selain itu, Asmah Haji Omar (2008) turut mengkalsifikasikan dialek di Johor terdiri daripada tiga pengkelasan utama iaitu subdialek Johor Baharu, subdialek Muar, dan subdialek Mersing. Artikel ini akan memfokuskan kepada isoglos (garis pemisah) dialek yang baharu berdasarkan faktor migrasi yang melibatkan penghijrah antara wilayah dan penghijrah dalam wilayah. Migrasi ini dikatakan telah memberi lanskap baharu pada penyebaran penggunaan dialek dan bahasa di Johor.

PERMASALAHAN KAJIAN

Mutakhir ini, penyelidikan kajian berasaskan geolinguistik telah giat dijalankan oleh pengkaji-pengkaji semasa. Namun, kajian menerusi dialek di Johor amat kurang diselidik. Hal ini telah disokong

oleh James T. Collins (1999) yang menyatakan bahawa tahap kepelbagaian varian dialek yang dimiliki di Johor masih belum ditelusuri dengan baik. Hal ini secara tidak langsung telah menjadi justifikasi utama pengkaji dalam memperlihat sebaran yang wujud menerusi lanskap dialek di Johor. Penelusuran pengkaji-pengkaji lepas telah memberi dampak yang pelbagai menerusi penyelidikan dialek di kawasan kajian. Kajian yang dijalankan oleh James T. Collins (1996) menerusi 'Sistem Vokal di Sungai Muar, Johor' hanya bersifat terpisah iaitu hanya memberi tumpuan pada aspek penggunaan vokal yang diguna pakai sepanjang saluran Sungai Muar.

Meskipun begitu, terdapat beberapa penyelidik lain yang memberikan penumpuan khusus menerusi kawasan di negeri Johor. Hal ini boleh diperlihatkan menerusi penyelidikan yang dijalankan oleh Asmah Haji Omar (2008) dalam 'Susur Galur Bahasa Melayu' dan Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (1994). Kedua-dua kajian inihanya membincangkan varian subdialek yang wujud di negeri Johor berdasarkan penelitian pada perubahan fonologi sahaja. Kajian tersebut hanyalah bersifat impresionistik dengan hanya menumpukan penyelidikan bahasa secara umum. Namun begitu, kajian ini bakal membincangkan penyelidikan dialek di keseluruhan negeri Johor serta memperincikan faktor berlakunya kewujudan varian dialek atau bahasa di kawasan kajian.

Selain daripada kepelbagaian varian dialek yang ditemui di Johor, kajian ini juga turut menjadi pemangkin dalam proses pembaharuan teknik pemetaan dialek daripada menggunakan kaedah lakaran pemetaan isoglos kepada teknik pemetaan geolinguistik berbantuan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS). Selain daripada kesangsian terhadap posisi penandaan titik kawasan kajian, teknik lakaran ini juga mempunyai beberapa kekurangan terhadap proses penjanaan pemetaan isoglos. Siti Noraini et al. (2017) dan Siti Noraini (2018) menyatakan GIS dipercayai mampu untuk membantu penyelidik dialek bagi menghasilkan pemetaan isoglos dengan lebih tepat dan rencam. Menurut Langacker (1968); Mackey (1988) dalam Sirivilai Teerarojanarat et al. (2010) "*It is hard to completely identify the location of the beginning or the end of one dialect*". Oleh yang demikian, penerapan teknik geolinguistik berbantuan teknologi ini secara tidak langsung mampu untuk mengisi salah satu daripada kelompongan yang dihadapi oleh pengkaji-pengkaji dialek terdahulu secara tepat dan terperinci.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sesuatu kajian yang digarap haruslah mempunyai capaian kosa ilmu yang bertautan bagi memastikan kajian atau penyelidikan yang dijalankan dapat dipacu dengan baik dan seterusnya dapat menjawab permasalahan kajian. Penyelidikan yang berteraskan kajian dialek di negeri Johor amat jarang dibincangkan. Namun, terdapat beberapa penyelidikan yang membincangkan aspek kajian dialek di negeri Johor seperti Asmah Haji Omar (1985) dan dan Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (1994) yang membincangkan kajian pecahan dialek di Johor. Namun aspek perbincangan penyelidikan tersebut hanyalah terhad pada perubahan bunyi (fonetik) sahaja.

Sorotan kajian dialektologi lepas berdasarkan anggubah bukan linguistik telah diberiperhatian khususnya menerusi penyelidik seperti James T. Collins (1983, 1996), Bernd Nothofer (1997) dan Rohani Mohd Yusof (2003). Ketiga-tiga penyelidik tersebut telah berjaya membincangkan kajian dialektologi berpandukan anggubah bukan linguistik. Kajian yang dijalankan oleh James T. Collins (1983) dan (1996) merupakan kajian yang membincangkan dialek di sepanjang persisiran Sungai Terengganu dan Sungai Muar yang mengaitkan aliran sungai dengan kajian dialek. Hasil dapatan kedua-dua kajian tersebut menyaksikan bahawa banyak dialek telah tersebar secara rencam di kawasan aliran sungai dan pengkaji telah memperincikan fenomena perubahan fonologi berdasarkan aspek perubahan faktor sejarahwi dan faktor geografi seperti anak sungai, bukit dan hutan. Kajian yang dijalankan oleh Bernd Nothofer (1997) pula berjaya membincangkan aspek hubung kait kekeluargaan antara dialek Melayu Jakarta dengan dialek Melayu Bangka di Pulau Bangka, Sumatera. Kajian ini juga turut memperlihatkan varian perubahan dialek kajian berdasarkan penerapan pendekatan sinkronis dan diakronis kajian. Hasil kajian mendapati bahawa pengkaji telah berjaya menyimpulkan pecahan sebanyak tiga subdialek berdasarkan paparan peta isoglos bersandarkan anggubah bukan linguistik seperti faktor migrasi, aktiviti sosial penduduk seperti wujudnya kota pelabuhan dan sebagainya di Pulau Bangka. Manakala, kajian Rohani Mohd Yusof (2003) pula membincangkan kelainan subdialek Kuala Kangsar sebagai zon peralihan dialek berpandukan faktor seperti geografi, politik dan perdagangan. Pengkaji telah mengklasifikasikan 3 jenis sebaran dialek di Kuala Kangsar termasuk dialek luar berdasarkan penjanaan peta isoglos

menggunakan teknik lakaran. Sehubungan dengan itu, ketiga-tiga kajian tersebut telah berjaya membentuk pemetaan isoglos dan pemetaan koroplet secara manual dalam memperincikan kajian dialektologi berunsurkan angkubah bukan linguistik di kawasan penyelidikan.

Sorotan kajian seterusnya adalah melibatkan sorotan kajian dialektologi dengan berbantuan teknologi dalam aspek pembinaan peta isoglos. Beberapa sorotan kajian lepas yang menjalankan penyelidikan dialektologi berteraskan teknologi iaitu Sistem Maklumat Geografi (GIS) seperti Sirivilai Teerarojanarat dan Kalaya Tingsabadh (2010) yang menjalankan kajian pecahan dialek standard dan bukan standard di Thailand, Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2016, 2017, 2019a, 2019b) menjalankan kajian geolinguistik menerusi dialek-dialek Melayu di keseluruhan Langkawi, Perak. Manakala Fazal et al. (2019) pula mengkaji dialek di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Fukushima C (2018) dan Mitsuaki E (2018) telah menjalankan kajian geolinguistik secara intensif khususnya perubahan leksikal di Jepun, Zhenhua Zhu et al. (2018) menjalankan kajian kata toponimi dalam dialek Machu di Timur Laut China, Ayad Y dan Luthin H (2009) mengkaji pola penggunaan dialek berdasarkan faktor demografi informan di Barat Pennsylvania, Jeon Lisa dan Patricia Cukor-Avila (2016) telah mengenalpasti pemecahan dialek di Korea Selatan, dan Salasiah Che Lah (2007) kajian sebaran varian leksikal dialek Melayu Melanau iaitu sepanjang kawasan persisiran pantai Rajang-Baram. Oleh yang demikian, berdasarkan penghasilan pemetaan oleh penyelidik lepas secara tidak langsung mampu membuktikan kajian dialektologi ini mampu dibincangkan dengan lebih terperinci menerusi penghasilan pemetaan dialek.

METODOLOGI

Sesuatu penyelidikan kajian yang dijalankan tidak dapat tidak memerlukan sinergi yang utuh dalam menghasilkan penyelidikan yang baik dan berimpak tinggi. Oleh yang demikian, menerusi pengaplikasian kaedah penyelidikan yang baik pastinya mampu untuk membentuk dan menghasilkan penyelidikan yang bersifat sarwajagat. Kajian ini menerapkan kaedah pengumpulan data menggunakan kaedah kajian lapangan dengan pengutipan data primer yang diperolehi daripada informan. Kajian telah dijalankan di seluruh negeri Johor yang terdiri daripada sepuluh daerah iaitu, Muar, Ledang, Batu Pahat, Segamat, Kluang, Kulai, Johor Baharu,


Pontian, Kota Tinggi dan Mersing. Pengkaji telah menemuramah seramai 900 informan penutur natif di negeri Johor daripada 123 buah kampung. Pemilihan informan adalah terdiri daripada tiga golongan iaitu golongan muda (berumur 15-25 tahun), golongan dewasa (berumur 26-49 tahun) dan golongan warga tua (berumur 50 tahun ke atas). Kesemua informan telah membunyikan 40 leksikal kajian yang telah dipilih bagi mengenalpasti pengkelasan dialek yang wujud di negeri Johor. Selain daripada kaedah soal selidik, pengkaji juga turut menggunakan kaedah temubual dan rakaman bagi membantu pengkaji dalam menganalisis faktor perubahan sesuatu dialek berdasarkan angkubah bukan linguistik. Menurut James T. Collins (1986) pemilihan kosa kata kajian haruslah mengikut senarai Swadesh dan disesuaikan dengan leksikal tempatan yang kerap dipakai. Oleh yang demikian, pemilihan 40 leksikal kajian ini dibuat berdasarkan pengelasan domain kata yang berbeza seperti domain kata panggilan, domain buah-buahan, domain perlakuan, domain haiwan, domain emosi dan sebagainya. Penyelidikan ini juga telah membataskan aspek pemilihan kawasan kajian menerusi bukan pemilihan 'penempatan baharu'. Menurut Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (1994), komuniti 'penempatan baharu' seperti FELDA telah menyebabkan berlakunya perubahan demografi masyarakat dengan kemasukan masyarakat bukan daripada kawasan setempat dan telah menyebabkan berlakunya kelainan dialek bukan natural.

Seterusnya, pengkaji telah mengaplikasikan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS) versi ArcGIS 10.3.1 sebagai medium dalam membantu penghasilan petalanskap dialek baharu di negeri Johor menerusi kaedah *Inverse Distance Weighted* (IDW). Justifikasi pemilihan ArcGIS adalah kerana perisian ini mampu menentukan titik kawasan kajian secara tepat serta mampu menjana pemetaan dialek khususnya peta isoglos secara saintifik. Hal ini telah disokong oleh Siti Noraini et al. (2017) yang menyatakan bahawa perisian GIS ini mampu untuk membantu pengkaji dialek untuk mendapatkan isoglos dengan lebih tepat dan rencam. Selain itu, kajian ini telah menggunakan pendekatan deskriptif geolinguistik iaitu merupakan pendekatan kajian yang menghuraikan unsur-unsur perubahan linguistik secara saintifik berbantuan penghuraian deskriptif angkubah bukan linguistik. Penjelasan angkubah bukan linguistik seperti maklumat topografi, migrasi, sejarah dan sosio-budaya menjadi penguat hujah bagi menjelaskan penyebaran dialek di satu-satu kawasan (Nor Hashimah Jalaluddin et al. 2019).

DAPATAN KAJIAN

Penghijrahan masyarakat luar ke negeri Johor kerap berlaku sekitar abad ke-18 yang menyaksikan beberapa komuniti daripada ‘Melayu Dagang’ ke negeri Johor. Berdasarkan pengumpulan data yang berjaya dijalankan, pengkaji mendapati terdapat 4 pengkelasan bahasa yang melibatkan penghijrahan antara wilayah dan 3 pengkelasan dialek yang berasal daripada penghijrahan dalam wilayah di negeri Johor. Hal ini boleh diperlihatkan menerusi kemasukan antara wilayah oleh masyarakat Jawa, Banjar, Bugis, Minang dan penghijrahan oleh masyarakat dalam wilayah yang terdiri daripada masyarakat Kelantan, Terengganu dan Melaka. Penghijrah ini membentuk komuniti tersendiri. ‘Komuniti’ boleh ditafsir sebagai ahli masyarakat hidup dalam harmoni dan stabil yang mempunyai hubungan antara individu bersifat peribadi, bersemuka, mesra, rapat dan bertahan lama. Penglibatan individu bukan

sahaja sebagai ahli keluarga, tetapi bersahabat baik atau sebuah kumpulan mempunyai hubungan yang akrab. Justeru, mereka mempunyai hubungan ikatan bersama (*communal ties*) yang kukuh dalam komuniti kampung tradisional dengan kerapatan susunan sosial. Maka setiap individu mengetahui kedudukan, status dan keterbatasan mobiliti dirinya sama ada berkenaan sosial atau geografi (Nor Hayati et.al 2017). Justeru, aspek penggunaan bahasa mereka jelas tergambar pada masyarakat ini terutamanya pada golongan tua dan dewasa. Pemecahan sebaran pengelompokan bahasa atau dialek ini dijejaki menerusi penggunaan 40 leksikal kajian yang dijalankan oleh pengkaji menerusi kaedah temubual dan rakaman di keseluruhan negeri Johor. Peta 1 di bawah menunjukkan peta isoglos atau peta sebaran dialek secara umum yang berjaya ditelusuri oleh pengkaji berdasarkan 40 leksikal kajian di 123 buah kampung.



PETA 1: Peta Isoglos Dialek di Johor

MIGRASI KEMASUKAN JAWA KE JOHOR

Penghijrahan masyarakat Jawa ke Alam Melayu amat berkonotasi kuat khususnya menerusi penghijrahan ke negeri Johor. Hal ini boleh diperlihatkan menerusi sosio-budaya yang telah diamalkan di negeri Johor seperti tarian kuda kepang, masakan yang berasal dari kepulauan Jawa dan lain-lain sejak sekian lama. Proses penghijrahan ini juga boleh dibuktikan dengan penemuan beberapa leksikal

yang bercirikan bahasa Jawa di negeri Johor. Ini berbeza dengan masyarakat Cham di Ulu Tiram, Johor. Mereka telah beralih ke bahasa standard bermula generasi kedua lagi (Noraisikin et.al 2020). Menerusi dapatan di Peta 1 di atas memperlihatkan bahawa warna telah mendominasi hampir separuh di kawasan Johor Barat. Berikut merupakan beberapa penemuan leksikal yang bercirikan bahasa Jawa ditemui di kawasan kajian.

JADUAL 1. Data Bahasa Jawa di Negeri Johor

Daftar Kata	Transkripsi Bahasa Melayu Standard	Transkripsi Bahasa Jawa
kacau	/kaʃaw/	[udəʔ]
ikan	/ikan/	[iwaʔ]
kelapa	/kəlapə/	[kləpə]
cubit	/ʃubit/	[dʒiwet] atau [ʃiwet]
malas	/malas/	[maləs]
isteri	/istəri/	[wo□wedoʔ]
suami	/swami/	[bədʒə]
lembu	/ləmbu/	[sapi]
air	/æ/	[baɲu]
masam	/masam/	[masəm]

Berdasarkan penemuanleksikal di atas secara tidak langsung mampu mempamerkan sebaran bahasa Jawa secara terperinci di negeri Johor. Menurut Abdul Latif Zen (2016) penggunaan fonem /ə/ *schwamerupakan* suatu bentuk vokal neutral dalam bahasa Jawa dan fonem ini sering muncul dalam menyerdanakan struktur suku kata bahasa Jawa. Hal ini boleh diperlihatkan menerusi beberapa sebaran kata daripada Kepulauan Jawa dan mempunyai pengaruh fonem /ə/ *schwaseperti* [udəʔ], [maləs] dan [masəm]. Selain daripada perubahan segmen pada perkataan, terdapat beberapa leksikal yang berasal daripada kepulauan Jawa telah ditemui seperti [sapi] - lembu, [baɲu] - air, [dʒiwet] – cubit dan [iwaʔ] - ikan.

Pola sebaran penggunaan bahasa Jawa ini berlaku secara aktif khususnya melibatkan kawasan di sebelah Johor Barat iaitu berhampiran dengan kepulauan Sumatra Indonesia dan Kepulauan Jawa, Indonesia. Menurut Hisham (2012) dalam Mifedwil Jandra et al. (2015) “*The places in Johor where the Javavese population gathered most were Pontian, Batu Pahat dan Muar*”. Populasi masyarakat Jawa yang kebanyakannya tertumpu di Johor Barat dan ianya boleh dibuktikan dengan penemuan yang dibuat oleh pengkaji menerusi Peta 1. Maka, tidak hairanlah sebaran bahasa Jawa ini mampu menular secara rencam di kawasan tersebut. Faktor sosioekonomi yang dihadapi telah menjadi punca utama berlakunya penghijrahan masyarakat Jawa ke negeri Johor secara besar-besaran. Kebanyakan masyarakat Jawa yang berhijrah ke negeri Johor bertujuan mengukuhkan sumber ekonomi dengan menjalankan aktiviti bersumberkan pertanian seperti bercucuk tanam sayuran dan tanaman padi di Johor Barat. Ini adalah amanat dari Sultan Abu Bakar kepada Syed Mohamed Al-Sagoff pada sekitar 1890 untuk memajukan aktiviti pertanian khususnya di kawasan Johor Barat dengan diminta untuk membawa masuk secara besar-besaran

masyarakat Jawa ke negeri Johor. Kemahiran pertanian yang dimiliki oleh masyarakat berkenaan boleh membantu meningkatkan sumber ekonomi di Johor Barat. Saadiah Said (1977:59) menyatakan “*Orang-orang Jawa ini telah datang ke sini dan semakin bertambah khususnya pada suku akhir abad ke 19. Dikatakan bahawa sejumlah besar orang-orang Indonesia terutamanya orang-orang Jawa telah datang ke Tanah Melayu untuk bekerja sebagai buruh pajak, buruh bebas atau petani-petani peneroka*”.

Selain sebaran bahasa Jawa yang berpusat di kawasan Johor Barat (iaitu meliputi beberapa daerah seperti Muar, Batu Pahat dan Pontian), sebaran ini juga turut tersebar secara meluas di kawasan Johor Tengah iaitu merujuk kepada daerah Kulai dan Kluang secara perlahan-lahan. Mustapha Nazmah (2004:149) menyatakan bahawa “*Daripada kajian mengenai beberapa aspek kehidupan penghijrah Jawa ke Tanah Melayu, jelas dilihat mereka masih cuba meneruskan cara hidup yang biasa diamalkan di Jawa tetapi dalam bentuk yang telah diubahsuaikan mengikut keadaan kehidupan masyarakat setempat*”. Faktor penempatan yang terhad dan daya penyesuaian diri yang dimiliki oleh masyarakat Jawa telah membuktikan wujudnya beberapa bentuk sebaran bahasa Jawa seperti dapatan leksikal [wedoʔ] dan [bədʒə] bagi merujuk kepada perkataan ‘isteri’ dan ‘suami’ di kawasan Johor Tengah. Perkahwinan campur antara masyarakat Jawa dengan Melayu Johor serta pengamalan beberapa sosio-budaya daripada kepulauan Jawa yang telah diadaptasi menjadi budaya setempat seperti pengamalan tarian kuda kepang iaitu salah satu budaya masyarakat Jawa yang telah diamalkan di Johor Tengah khususnya daerah Kulai (Berita Harian 25 April 2015). Sumber ekonomi masyarakat Jawa di Johor pada masa kini juga tidak lagi berfokus dalam sumber pertanian, namun masyarakat tersebut lebih gemar untuk mengadaptasi budaya setempat dengan menjalankan

aktiviti masyarakat kebiasaan di negeri Johor seperti membuka gerai makanan, kedai runcit, berkhidmat di agensi kerajaan atau swasta dan lain-lain.

MIGRASI KEMASUKAN BANJAR KE JOHOR

Sebaran bahasa Banjar ini tidaklah sedominan jika dibandingkan dengan sebaran bagi bahasa Jawa di negeri Johor. Merujuk pada gambaran Peta 1,

sebaran bahasa Banjar ini kebanyakannya berpusat pada sebelah Johor Selatan iaitu menerusi dua terusan utama negeri Johor iaitu melalui terusan Sungai Pulai di daerah Pontian dan Sungai Johor di Johor Baharu. Sebaran bahasa Banjar ini boleh diperlihatkan menerusi warna ■ pada Peta 1. Beberapa penemuan leksikal daripada bahasa Bugis yang telah berjaya ditemui di negeri Johor menerusi Jadual 2 di bawah;


JADUAL 2. Data Bahasa Banjar di Negeri Johor

Daftar Kata	Transkripsi Bahasa Melayu Standard	Transkripsi Bahasa Banjar
manga	/məmpəlam/	[həmpəlam]
kacau	/kaʃaw/	[haruʔ]
kelapa	/kəlapə/	[kəlapəʔ] atau [nəʔ]
ikan	/ikan/	[ekan]
durian	/duyijan/	[dojan]
baling	/baliŋ/	[humbəŋ]
malas	/malas/	[kuler] atau [kəset]
cantik	/ʃantiʔ/	[buŋas]
kotor	/kotor/	[egət] atau [bədanə]
kamu	/kamu/	[ekam]

Menurut Abdullah Djebar Hapip (1977), sebaran kata seperti [həmpəlam] ini adalah merujuk kepada penutur yang menggunakan dialek Banjar Hulu dan berasal daripada kawasan seperti Kabupaten Tapin, Hulu Sungai Selatan, Hulu Sungai Tengah, Hulu Sungai Utara dan Tabalong, Indonesia. Oleh yang demikian, maka tidak hairanlah jika penempatan asal masyarakat Banjar di Johor ini adalah berasal daripada kawasan-kawasan berkenaan yang menggunakan dialek Banjar Hulu sebagai bahasa pertuturan. Fonem akhiran glotal /ʔ/ amat signifikan dalam etnik Banjar. Hal ini boleh diperlihatkan menerusi dapatan leksikal pada Jadual 2 seperti leksikal [haruʔ], [nəʔ] dan leksikal [kəlapəʔ] yang menggunakan akhiran glotal di posisi koda suku kata akhir. Hal ini telah disokong oleh Sudarmo (2016) dalam 'Fonotaktik Bahasa Banjar (*Banjarese Phonotactic*)' yang menyatakan bahawa penggunaan segmen letupan, fonem konsonan /k/ dibunyikan dengan /k/ pada awal suku kata atau awal kata, manakala pada akhir suku kata atau akhir kata, fonem konsonan /ʔ/ diucapkan pada akhir kata atau suku kata.

Penularan sebaran bahasa Banjar ini kebanyakannya tersebar luas menerusi dua terusan laluan utama di negeri Johor iaitu menerusi Sungai Pulai dan Sungai Johor. Pola kemasukan masyarakat Banjar ke Johor Selatan ini tersebar luas menerusi terusan tersebut dan secara tidak langsung pengkaji berjaya menemui beberapa perkampungan

masyarakat Banjar yang menggunakan bahasa Banjar menerusi Peta 3 seperti Kampung Kong-Kong Laut, Kampung Tanjung Langsung dan Kampung Baru Seluyut di terusan Sungai Johor serta Kampung Parit Bilal di Sungai Pulai.




PETA 2. Peta Isoglos di Sungai Johor

Menerusi gambaran Peta 2 menyaksikan penyebaran bahasa Banjar menerusi terusan Sungai Johor yang memperlihatkan ketiga-tiga kampung iaitu Kampung Kong-Kong Laut, Kampung Langsung dan Kampung Baru Seluyut dilambangkan dengan warna ■. Bahasa Banjar telah berjaya tersebar di ketiga-tiga kampung tersebut di terusan Sungai

Johor iaitu merupakan kawasan laluan pedagang utama sewaktu pemerintahan Kesultanan Melayu Johor. Norliah Abdullah (2017) menyatakan bahawa Sungai Johor merupakan salah satu kawasan kegiatan perdagangan antarabangsa secara ekstensif dan salah satu kawasan ataulaluan utama bagi pusat pemerintahan kerajaan Johor terdahulu. Oleh yang demikian, maka tidak hairanlah wujudnya beberapa komuniti masyarakat Banjar di terusan Sungai Johor yang pada asalnya penuh dengan kemudahan bagi mendapatkan keperluan asas.



PETA 3. Peta Topo di Sungai Johor



PETA 4. Peta Isoglos di Mersing

Seterusnya Radam dan Noerid Haloei (2001) dalam '*Strategi Adaptasi Migran Banjar*' menyatakan bahawa etnik Banjar ini merupakan kelompok migran yang terbesar di Nusantara. Sifat mahu

berdagang ini boleh dibuktikan menerusi satu kalimat iaitu '*ada bukit ada carang, ada bukit ada dagang*' yang membawa erti sebagai '*masyarakat pemula (Dayak Bukit) ada lebih dulu kemudian menyusul Orang Dagang (Banjar)*'. Hal ini secara tidak langsung telah mempamerkan budaya yang gemar untuk berdagang oleh masyarakat Banjar itu sendiri.

Selain daripada sebaran bahasa Banjar di terusan Johor Selatan, bahasa Banjar juga turut tersebar di sesetengah kawasan lain seperti di Pekan Nanas, Pontian dan Mersing (Asmawi et al. 2010). Selain daripada terusan Sungai Pulai dan Sungai Johor, daerah Mersing juga telah dijadikan kawasan pilihan masyarakat Banjar terutamanya di Kampung Tenglu Besar untuk berhijrah dan seterusnya membentuk perkampungan seperti yang diperlihatkan menerusi Peta 4 di atas. Wahyudin (2016) dalam '*Merajut Dunia Islam Melayu: Sosok Orang Melayu Banjar di Tanah Leluhur*' menyatakan bahawa, Dato' Haji Taha bin Zakarian (1912-1989) merupakan salah seorang anak kelahiran daripada masyarakat Banjar di Endau, Mersing. Ayahnya iaitu Haji Zakaria merupakan seorang pendakwah Islam yang berasal daripada Kalimantan Banjarmasin dan telah berhijrah ke Mersing sejak abad ke-19 lagi. Menerusi dapatan tersebut, pengkaji telah menemui rangkuman data bahasa Banjar seperti [hampəlam] merujuk kepada kata 'mangga' dan [haru?] merujuk kepada 'perlakuan mengacau makanan' di kawasan tersebut.

MIGRASI KEMASUKAN BUGIS KE JOHOR

Bahasa Bugis merupakan salah satu sebaran bahasa pertuturan yang berjaya ditemui di negeri Johor. Sebaran bahasa Bugis ini kebanyakannya tersebar menerusi kawasan Pontian selatan sebagaimana tercatat dalam Peta 1 dan Peta 5 yang ditanda dengan warna [redacted]. Berdasarkan data yang dikutip di lapangan, faktor penyebaran bahasa Bugis mempunyai korelasi dengan sebaran bahasa Banjar dengan memperlihatkan penghijrahan masyarakat berkenaan ke terusan Sungai Pulai, Pontian. Sebaran bahasa Bugis ini hanya tersebar di Kampung Serkat Barat, Pontian iaitu berada di daerah Kukup, Pontian. Berdasarkan sebaran bahasa Bugis ini, pengkaji telah menemui beberapa leksikal yang berunsurkan bahasa Bugis seperti berikut:

JADUAL 3. Data Bahasa Bugis di Negeri Johor


Daftar Kata	Transkripsi Bahasa Melayu Standard	Transkripsi Bahasa Bugis
ular	/ular/	[ulaʔ]
kelapa	/kəlapə/	[kluku]
air	/ae/	[baŋu] atau [ɲumbe]
tikus	/tikus/	[ɖɨkaw]
ayam	/ajam/	[manoʔ]
ikan	/ikan/	[blukaŋ]
durian	/duyijan/	[duyejan]
kupas	/kupas/	[kopiʔ]
cubit	/ʃubit/	[ʃəku]
malas	/malas/	[məndaŋ]
masam	/masam/	[kəʃot]

Berdasarkan gambaran Jadual 3 di atas, pengkaji telah menemui beberapa sebaran bahasa Bugis, namun pola sebaran bahasa berkenaan tidak begitu rencam jika dibandingkan dengan pola sebaran bahasa yang lain. Hal ini adalah berpunca daripada penyesuaian bahasa perantaraan yang diamalkan oleh komuniti Banjar tersebut dengan kawasan yang dihijrah. Menurut Andi Sukri Syamsuri (2019) salah seorang ahli bidang leksikostatistik telah mencirikan kekerabatan antara bahasa Bugis di Wajo, Indonesia dengan bahasa Bugis di Pontian, Malaysia dan menyatakan bahawa penggunaan varian [ulaʔ] merupakan sebaran asli yang dipertuturkan oleh masyarakat Bugis di Pontian. Namun varian tersebut mempunyai kelainan daripada varian asli yang diguna pakai oleh masyarakat Bugis di Wajo, Indonesia yang menggunakan varian [ula]. Hal ini mempunyai keselarian dengan varian [lut.tu] dan [salo] bagi merujuk kepada ‘terbang’ dan ‘sungai’ oleh masyarakat Bugis di Indonesia, namun varian

[lut.tuʔ] dan [saloʔ] bagi merujuk kepada varian masyarakat Bugis di Pontian. Masyarakat Bugis khususnya di Pontian lebih gemar menambah segmen glottal /ʔ/ di posisi koda suku kata kedua.



PETA 6. Peta Topo di Sungai Pulai




PETA 5. Peta Isoglos di Sungai Pulai

Penghijrahan masyarakat Bugis di sepanjang kawasan tanah gambut Kukup menerusi Peta 6 di atas ini bermula pada awal tahun 1920 dan kebanyakan mereka adalah berasal daripada Kabupaten Wajo, Kabupaten Bone, Soppeng dan Sidenreng, Indonesia. Faktor utama penghijrahan masyarakat Bugis ini adalah disebabkan budaya masyarakat tersebut sendiri yang gemar untuk mengembaradan merantau ke sesuatu kawasan baharu. Menurut Rahilah Omar et al. (2009), masyarakat Bugis ada menggunakan penggunaan istilah ‘*ma sompe*’ yang

bererti belayaratau merantau. Oleh yang demikian, maka tidak hairanlah budaya perantauan atau penghijrahan oleh masyarakat Bugis ini mampu ditemui sehingga ke Kukup, Pontian seperti leksikal [ulaʔ] yang merujuk kepada kata ‘ular’ dan [kopiʔ] merujuk kepada kata kerja ‘kupas’. Pemerihal budaya yang gemar untuk merantau ini boleh diperlihatkan menerusi bait kata-kata masyarakat Bugis seperti anak-anak lelaki Bugis diajar untuk berdikari, tidak sangat bergantung diri pada ibu dan harus mengikut jejak ayahnya yang suka merantau. Bahkan menjadi satu penghinaan bagi anak lelaki yang menetap di rumah saja. Keadaan ini seterusnya dikaitkan dengan soal kematangan diri di samping supaya lebih berani dan bijak mengatur masa depan (Norliah Mohd Salleh 1977).

MIGRASI KEMASUKAN MINANG KE JOHOR

Selain penghijrahan oleh masyarakat Jawa, Banjar dan Bugis, terdapat juga beberapa penghijrahanmenerusi penghijrah antara wilayah oleh masyarakat Minang ke negeri Johor. Namun begitu, sebaran bagi leksikal bahasa Minang ini hanya berlaku di Kampung Lukut, Kota Tinggi sahaja. Meskipun sebaran bahasa Minang ini hanya tersebar di Kampung Lukut, namun penggunaan bahasa Minang ini sangat kuatmeskipun dikelilingi oleh dialek Melayu Johor Baharu dan dialek Melayu Muar-Batu Pahat.Hal ini boleh diperlihatkan menerusi gambaran Peta 7 iaitu menerusi gambaran pola bewarna  di bawah. Penggunaan bahasa Minang khususnya di Kampung Lukut ini boleh diperlihatkan menerusi beberapa senarai leksikal di Jadual 4 di bawah;


JADUAL 4. Data Bahasa Minang di Negeri Johor

Daftar Kata	Transkripsi Bahasa Melayu Standard	Transkripsi Bahasa Minang
lembu	/ləmbu/	[ləmbu]
emak	/əmaʔ/	[əmaʔ]
saya	/saje/	[den] , [ajə] dan [ese]
kelapa	/kəlapə/	[kəlapə]
mempelam	/məmpəlam/	[polam]

Proses pembundaran vokal merupakan salah satu bentuk identiti bagi bahasa Minang iaitu menerusi perubahan vokal /ə/ (*schwa*) kepada vokal bundar /ɔ/.Hal ini telah disokong oleh Sharifah Raihan Syed Jaafar (2017) yang menyamakan bahasa Minang dengan Dialek Melayu Kuala Pilah. Penyamaan bahasa ini boleh diperlihatkan menerusi kesejajaran vokal antara vokal /ə/ (*schwa*) dalam bahasa Melayu Standard dan vokal /ɔ/ dalam Dialek Melayu Kuala Pilah. Vokal /ə/ (*schwa*) yang berada di awal, tengah dan akhir kata dalam bahasa Melayu Standard digantikan dengan vokal /ɔ/dalam Dialek Melayu Kuala Pilah. Jika diperlihatkan menerusi gambaran jadual di atas menunjukkan bahawa pola perubahan yang digunakan khususnya di Kampung Lukut yang amat signifikan dengan bahasa Minang seperti kata ‘lembu’ kepada [ləmbu], kata ‘emak’ kepada [əmaʔ], kata ‘kelapə’ kepada [kəlapə] dan kata ‘pəlam’ kepada [polam].

Penggunaan bahasa Minang yang dilabel menerusi warna telah mendominasi penggunaan bahasa di Kampung Lukut menerusi Peta 5 di atas. Meskipun ketiga-tiga kampung yang berhampiran dengan kampung tersebut dilabel sebagai warna yang merujuk pada dialek Melayu Johor Baharu, namun bahasa Minang terus kekal diguna pakai di Kampung Lukut.Kisah penghijrahan masyarakat Minang telah diperincikan menerusi penceritaan informan iaitu Tuan Haji Mohd Salleh bin Tamin

di Kampung Lukut pada 2019.Beliau menyatakan bahawa peristiwa penghijrahan masyarakat yang berketurunan Minang ke Kampung Lukut ini adalah berasal daripadaKampung Jimah, Port Dickson. Hal ini bermula apabila terdapat ketidaksetujuan hukuman yang telah dikenakan oleh penguasa Inggeris pada ketika itu terhadap kematian anak Raja Lajim. Oleh yang demikian, Raja Lajim bersama 7 pengikutnya yakni merupakan penduduk Kampung Jimahtelah berhijrah ke Johor bagi mengubat perasaan sugulnya akibat hukuman yang tidak setimpal yang diberikan atas kematian anak Raja Lajim.



PETA 7. Peta Isoglos di Kampung Lukut

Selepas sampai di daerah Kota Tinggi iaitu dahulunya merupakan suatu kawasan pemerintahan Kesultanan Melayu Johor, Raja Lajim telah berjumpa dan memohon kebenaran daripada Dato' Timor iaitu salah seorang penguasa tempatan Kota Tinggi bagi memohon membuka penempatan di negeri Johor. Dato' Timor telah membenarkan Raja Lajim dan beberapa pengikutnya lagi untuk meneroka mana-mana kawasan di sepanjang daerah Mersing sampai ke daerah Johor Lama. Setelah sampai di suatu kawasan yang bersesuaian, Raja Lajim telah menamakan suatu kampung yang diteroka sebagai Kampung Lalang sempena kawasan kampung tersebut yang dipenuhi dengan lalang. Namun setelah selesai membuka dan membuang semak samun, Raja Lajim dan beberapa pengikutnya telah pulang kembali ke perkampungan asal mereka iaitu di Port Dickson bertujuan untuk membawa ahli keluarga yang lain ke penempatan baharu yang telah diterokai tadi. Setelah sekembali ke kampung Lalang, Kota Tinggi, salah seorang daripada pengikutnya tadi telah meninggal dunia. Akibat daripada itu Raja Lajim telah mencadangkan Kampung Lalang tersebut ditukar kepada Kampung Lukut sempena keturunan asal pengikutnya di Kampung Lukut, Negeri Sembilan. Oleh yang demikian, pendudukan di Kampung Lukut ini telah menjadikan Kampung Lukut, Kota Tinggi ini sebagai penempatan penuh bagi masyarakat Minang pada anggaran akhir abad ke 19. Maka, tidak hairanlah penggunaan nama yang sama bagi mewakili Kampung Lukut turut wujud di Negeri Sembilan yang merupakan salasilah dari kewujudan Kampung Lukut di negeri Johor.

Walaupun penduduk kampung tersebut dikelilingi oleh masyarakat Johor, namun bahasa Minang terus diguna pakai oleh masyarakat perkampungan tersebut. Hal ini boleh diperlihatkan menerusi beberapa aktiviti sosio-budaya seperti

pembelaan kerbau dan pengamalan aktiviti tradisi asal Minang iaitu 'menanjo' yang membawa konotasi yang kuat pada masyarakat Minang. Menanjo merupakan salah satu teknik untuk menangkap kerbau liar dengan berbekalkan beberapa utas tali panjang, sebatang buluh dan sebilah parang. (<http://www.astroawani.com/video-malaysia/koboi-kampung-lukut-62154>). Selain daripada pengekalan tradisi sosio-budaya di perkampungan tersebut, pola penggunaan bahasa Minang di Peta 7 di atas juga turut mempamerkan tahap pengekalan bahasa yang sangat utuh dalam komuniti Kampung Lukut, Kota Tinggi, dengan penemuan leksikal-leksikal bahasa Minang di Jadual 4.

MIGRASI DALAM WILAYAH KE JOHOR

Selain penghijrahan beberapa komuniti antara wilayah, terdapat juga beberapa penghijrahan daripada masyarakat dalam wilayah ke negeri Johor iaitu melibatkan penghijrahan negeri ke negeri di dalam Malaysia. Hal ini boleh diperlihatkan menerusi penghijrahan daripada masyarakat Melayu Melaka, Kelantan dan Terengganu ke beberapa kawasan di negeri Johor. Jika diperlihatkan menerusi gambaran Peta 1, pola sebaran dialek Melayu ini tertumpu di Mersing Utara bagi dialek Melayu Kelantan dan Terengganu manakala dialek Melayu Melaka pula di wilayah Kesang, Muar. Proses penghijrahan dalam wilayah ini merupakan suatu bentuk yang normal bagi masyarakat terdahulu iaitu berfaktorkan sosioekonomi, aktiviti perdagangan, dan berpunca daripada penghijrahan selepas serangan daripada pihak Portugis khusus merujuk pada masyarakat Melaka. Oleh yang demikian, paparan Jadual 5, Jadual 6 dan Jadual 7 menunjukkan beberapa sebaran dialek leksikal yang berjaya ditemui oleh pengkaji di negeri Johor.

JADUAL 5. Data Dialek Melayu Melaka di Negeri Johor

Daftar Kata	Transkripsi Bahasa Melayu Standard	Transkripsi dialek Melayu Melaka
Ular	/ular/	[ulaw]
Pagar	/pagar/	[pagaw]
bayar	/bajar/	[bajaw]
besar	/bəsar/	[bəsaw]
mempelam	/məmpəlam/	[polam]


JADUAL 6. Data Dialek Melayu Kelantan di Negeri Johor

Daftar Kata	Transkripsi Bahasa Melayu Standard	Transkripsi dialek Melayu Kelantan
Ayam	/ajam/	[ajɛ]
Rambutan	/rambutan/	[moʔtɛ]
Masam	/masam/	[masɛ]
Ikan	/ikan/	[ikɛ]
Comot	/ʃomot/	[dʒəluʔah]

JADUAL 7. Data Dialek Melayu Terengganu di Negeri Johor

Daftar Kata	Transkripsi Bahasa Melayu Standard	Transkripsi dialek Melayu Terengganu
Ayam	/ajam/	[aʝaŋ]
Rambutan	/rambutan/	[mɔʔtaŋ]
Masam	/masam/	[masaŋ]
Ikan	/ikan/	[ikaŋ]
Pukol	/pukol/	[bahaŋ]

Pola sebaran ketiga-tiga dialek Melayu ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa waima pecahan sempadan daerah atau politik ini telah ditetapkan, namun ianya tidak mampu menghalang sebaran penggunaan dialek di sesuatu kawasan. Sebaran penggunaan dialek Melayu Melaka amat berkonotasi dengan akhiran /-ar/ yang digantikan dengan akhiran /aw/ (Adi Yasran 2012). Manakala akhiran nasal (m/n/ŋ/n) yang diikuti vokal /a/ akandigantikan dengan vokal /ɛ/ bagi dialek Melayu Kelantan dan digantikan dengan /aŋ/ bagi dialek Melayu Terengganu. Selain itu, menerusi gambaran sebaran pada Peta 6 memperlihatkan dialek Melayu Melaka yang berwarna telah berjaya tersebar di Kampung Kesang, Muar manakala dialek Melayu Kelantan yang berwarna dan dialek Melayu Terengganu yang berwarna pula tersebar luas di kawasan pesisir negeri Johor pada Peta 8 dan Peta 9.




PETA 8. Peta Isoglos di Mersing

Sebaran dialek Melayu Melakadi kawasan Kesang boleh diperlihat menerusi Peta 8 di atas dengan warna . Meskipun penggunaan dialek ini dikelilingi oleh bahasa Jawa yang diwarnakan dengan warna dan dialek Melayu Muar-Batu Pahat dengan warna , namun dialek Melayu Melaka terus kekal di kawasan tersebut dengan penemuan beberapa leksikal daripada dialek berkenaan seperti [ulaw] bagi kata 'ular', [pagaw] bagi kata 'pagar' dan [bajaw] bagi kata

'bayar'. Sebaran dialek Melayu Melaka ini adalah berasal daripada penghijrahan Sultan Mahmud dan beberapa rakyatnya yang lain ke negeri Johor setelah kejatuhan Kota Melaka pada tahun 1511 ke penjajah Portugis. Pengekalan dialek Melaka diteruskan khususnya di kawasan Ledang telah dijadikan kawasan pemerintahan yang leluhurnya berasal daripada Kesultanan Melayu Melaka dan kemudiannya diteruskan sehingga pemerintahan oleh Sultan Husin iaitu merupakan waris diraja Melayu Melaka terakhir pada abad ke-18. Norliah Abdullah dan Jaafar Jambi (2017 dalam Buyong Adil 1971) menyatakan bahawa;

Sultan Mahmud dan anakanda baginda Tengku Ahmad serta pengikut baginda berundur dari bandar Melaka lalu berkumpul di Bertam di tepi Sungai Melaka. Apabila Portugis datang menyerang Bertam, baginda terpaksa berundur lagi ke Hulu Muar dan membina pusat pemerintahan di Pagoh. Orang-orang Melayu yang mengikut baginda telah membuat penempatan di Pagoh dan baginda bersama Tengku Ahmad telah membina sebuah kubu di Bentayan berdekatan dengan Kuala Sungai Muar bertujuan menjadikannya sebagai kubu pertahanan dan juga sebagai tapak untuk melancarkan serangan terhadap Portugis di Melaka

(Buyong Adil 1971:14.)



PETA 9. Peta Isoglos di Ledang

Penyebaran bagi dialek Pantai Timur ini boleh ditemui menerusi label warna bagi dialek Melayu Kelantan dan warna bagi dialek Terengganu di Mersing Utara pada Peta 9 di atas. Sebaran di

Kampung Sisek bagi dialek Melayu Kelantan serta Kampung Penyabong dan Kampung Belukar Juling bagi dialek Melayu Terengganu ini telah didominasi oleh kedua-dua dialek Melayu berkenaan. Temubual yang dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa kebanyakan masyarakat daripada Pantai Timur ini telah berhijrah ke Mersing, Johor untuk membantu sumber sosio-ekonomi keluarga menerusi sumber pertanian dan perikanan. Menurut Ajid Che Kob (2008) sebaran arus geografi, ketiga-tiga dialek yakni dialek Patani, dialek Kelantan dan dialek Terengganu ini mampu untuk menjalar sehingga ke Mersing di Johor. Oleh yang demikian, maka tidak hairanlah sebaran bagi kedua-dua subdialek yang berasal daripada Pantai Timur ini mampu untuk melintasi sempadan dialek kawasan Mersing seperti dapatan yang ditemui menerusi Jadual 9 di atas.

Selain itu, Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2016) menyatakan bahawa aliran sungai merupakan suatu bentuk jalan perhubungan masyarakat terdahulu yang secara tidak langsung mampu untuk menghubungkan penyebaran sesuatu dialek kepada sesuatu dialek. Bentuk sebaran dialek ini lebih cepat tersebar menerusi faktor geografi khususnya melalui aliran air iaitu dari kawasan hulu (utara) ke kawasan hilir (selatan). Oleh yang demikian, maka tidak hairanlah sebaran yang berunsurkan subdialek Melayu Pantai Timur ini mampu untuk melangkaui sehingga ke daerah Mersing Utara melalui perairan pesisir pantai Timur Semenanjung Malaysia.

KESIMPULAN

Kajian melibatkan migrasi dan penghijrahan masyarakat antara wilayah dan antara wilayah yang telah banyak memberi sumbangan pada lanskap baharu dalam ilmu dialektologi. Kajian melibatkan migrasi dan penghijrahan masyarakat seperti ini dilihat mampu untuk menguatkan lagi penjelasan berkenaan dengan penyebaran bahasa atau dialek penghijrah antara wilayah dan dalam wilayah di negeri Johor. Kadar sebaran bahasa atau dialek ini dapat dicapai dengan baik menerusi pengaplikasian perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS) dengan memudahkan penerangan dan pembuktian secara saintifik tentang 7 sebaran dialek atau bahasa migran di negeri Johor iaitu terdiri daripada bahasa Jawa, bahasa Banjar, bahasa Bugis, bahasa Minang, dialek Melayu Melaka, dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Terengganu. Ketujuh-tujuh dialek atau bahasa ini mampu dibincangkan secara terperinci berdasarkan perubahan-perubahan varian leksikal dialek serta faktor yang mendasari sebaran dialek seperti faktor geografi dan sejarah

di negeri Johor. Penghijrahan masyarakat antara wilayah di negeri Johor banyak melibatkan kawasan di Johor Barat bagi masyarakat Jawa, Johor Selatan menerusi kedua-dua terusan utama (yakni Sungai Pulai dan Sungai Johor) bagi masyarakat Banjar dan Bugis. Manakala bagi penghijrahan dalam wilayah pula banyak ditemui menerusi Mersing utara iaitu merujuk kepada masyarakat Kelantan dan Terengganu.

Meskipun pola sebaran dialek negeri Johor sebelum ini dianggap sebagai pola yang standard iaitu merupakan salah satu sumber pusat sebaran bahasa Melayu standard kelainan-e, namun penelitian yang mendalam menerusi kajian ini mampu untuk menunjukkan betapa rencamnya dialek yang berjaya menembusi di negeri Johor. Kajian ini memberi implikasi kepada metodologi terbaharu pengkajian dialek. Input teknologi dan pendekatan multidisiplin dari ilmu sains sosial yang lain mampu menjelaskan penyebaran dialek di Johor dengan berpeda. Oleh demikian, penghasilan dan pembuktian kemasukan bahasa daripada penghijrah antara wilayah dan dalam wilayah ini secara tidak langsung dapat mengubah lanskap dialek baharu di negeri Johor.

PENGHARGAAN

Sumber penajaan bagi penghasilan makalah ini adalah menerusi Geran Universiti Penyelidikan (GUP-2017-113.) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia

RUJUKAN

- Abdul Djebar Hapip. 1977. *Kamus Banjar-Indonesia*. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Jakarta 1977
- Abdul Latif Zen. 2016. *Perubahan Fonologis Kosakata Serapan Sansekerta dalam Bahasa Jawa (Analisis Fitur Distingtif Dalam Fonologi Transformasi Generatif)*. Tesis Sarjana Fakultas Ilmu Budaya Universitas Diponegoro Semarang.
- Ajid Che Kob. 2008. *Subklasifikasi Dialek Melayu Patani-Kelantan-Terengganu: Satu Analisis Kualitatif*. *Jurnal Melayu*. Vol 3 2008
- Andi Sukri Syamsuri. 2019. *Kekerabatan bahasa Bugis Wajo Indonesia dan bahasa Bugis Pontian Malaysia: Kajian Leksikostatistik*. Working Paper. Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa. Kongres Bahasa Indonesia.
- Asmah Haji Omar. 2008a. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Cetakan Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

- Asmah Haji Omar. 2008b. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Cetakkan Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Asmawi, Mohammad N., & Basri, G. 2010. Sejarah Penghijrahan dan Pola Sosio-Budaya Masyarakat Banjar Johor. *Kongres Budaya Banjar II, Banjarmasin*, 4 – 7 April.
- Berita Harian*. 2015. Kuda Kepang dah 'jinak', 25 April 2015.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Jilid 1. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaludin, Harishon Radzi, Junaidi Kasdan & Muhammad Faiz Aizuddin Suhaimi. 2019. Dialek Melayu Perlis: Pemetaan Geodialek Beraplikasikan GIS. *AKADEMIKA* 89 (2): 139-154
- Fukushima.C. 2018. Variation and change of adjectives in *Niigata dialects dlm Fourth International Conference of Geolinguistics Proceedings*, Depok, Indonesia
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2000. *Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000: Migrasi dan Taburan Penduduk. 2000*.
- James T. Collins. 1996. *Kazanah Dialek Melayu: Sistem Vokal di Sungai Muar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- James T. Collins. 1999. *Wibawa Bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Langacker, R. W. 1968. *Language and Its Structure: Some Fundamental Linguistic Concepts*. New York: Harcourt, Brace & World
- Mackey, W. F. 1988. Geolinguistics: Its Scope and Principles in Colin H. Williams (ed.), *Language in Geographic Context*, Clevedon: Multilingual Matters: 20-46
- Mitsuaki.E. 2018. Correlation between onset and vowel, and the principle of "wider distribution" as revealed in the changing process of the forms for "rain" in Tai-Kadai dlm *Fourth International Conference of Geolinguistics Proceedings*, Depok, Indonesia
- Mifedwil Jandra, Agus Sulaiman Djamil, Hussin Salamon Anhar Ansyory & Moh. Damami Zein. 2015. Identity and Culture Change of Javanese in Johor. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*
- Mohamad Fauzi Sukimi. 2009. Komuniti Madura di Malaysia: Satu Pengamatan Antropologikal tentang Aspek Kepimpinan. *Akademika* 76 (Mei-Ogos) 2009: 3-25
- Mustapha, Nazmah. 2004. *Adat-istiadat masyarakat Jawa dari perspektif Islam: suatu kajian di Daerah Batu Pahat, Johor*. Tesis Sarjana Universiti Malaya.
- Nik Abd Rahman & Ab. Razak. 2010. *Rumah Limas Johor; Senibina dan Pensejarahan*. Yayasan Warisan Johor, 2010.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. *Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik*. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 8 (2): 310-330.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa, Siti Noraini & Hayati Lateh. 2019a. *Penyebaran Dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: Satu Kajian Perbandingan Berasaskan Geographic Information System (GIS)*. *GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 19(1)*, 77-96
- Nor Hashimah Jalaluddin, Mohamed Fazal Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Khairul Ashraaf Saari. 2019b. *Penyebaran Pengaruh Dialek Melayu Thai di Malaysia: Analisis GIS*. *Journal of Nusantara Studies 2019, Vol 4(2)*: 362-389.
- Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat & Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang. 2017. *Pola Perubahan Sosiobudaya dan Mobiliti Sosial dalam Kalangan Komuniti Muara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia*. *Akademika* 87(3), 163-176
- Norasikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. 2020 *Peralihan Bahasa dalam Kalangan Dua Generasi Cham Malaysia*. *Akademika* 90(2), 75-89
- Norliah Abdullah & Jaafar Jambi. 2017. *Pusat-Pusat Pemerintahan Kesultanan Melayu Johor Membina Penempatan Awal Orang Melayu di Sepanjang Sungai Johor*. *Jurnal Peradaban, Jil. 10*: 38-61
- Norliah Mohd. Salleh. 1977. *Riwayat Hidup Penghulu Taib*. *Karangan Sejarah*. Johor: Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Johor
- Radam, Noerid Haloei. 2001. *Religi Orang Bukit*. Yogyakarta: Yayasan Semesta
- Rahilah Omar, Khazin Mohd Tamrin, Nordin Hussin & Nelmawarni. 2009. *Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis ke Tanah Melayu: Kajian Kes di Johor*. *Jebat 36 (2009)* 41-61
- Ramzay, A.B. 1956. *Indonesian in Malaya*. *JMBRAS 29(Pt 1) May*.
- Saadiah Said. 1977. *Kegiatan keluarga Alsagoff dalam ekonomi negeri Johor 1878-1906*. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 07-08: 52-67.
- Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2017. *Pembentukan Struktur Suku Kata Dialek Melayu Kuala Pilah*. *Jurnal Bahasa Jilid 17 Bil. 1 Jun 2017*
- Sirivilai Teerarojanarat & Kalaya Tingsabadh. 2010. *A Gis-Based Approach for Dialect Boundary Studies*. *Dialectologia 6 (2011)*: 55-75.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2017. *Migrasi Masyarakat Luar Dan Pengaruh Dialek Di Perak: Analisis Geolinguistik*. *Jurnal Bahasa 17 (1)*: 1-34.
- Siti Noraini Hamzah. 2018. *Penyebaran Leksikal Dan Bunyi Dalam Dialek Melayu di Perak: Analisis Geolinguistik*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Kepelbagaian varian leksikal dialek di Perak: Pendekatan geographical information system. *Akademika* 88(1): 137-152
- Sudarmo Sudarmo. 2016. Fonotaktik Bahasa Banjar (Banjarese Phonotactic). *Jurnal Bahasa, Sastra Dan Pembelajarannya* 6(2): 278-297
- Tunku Shamsul Bahrin. 1967. The Pattern of Indonesian Migration and Settlement in Malaya. *Asian Studies* V(2).
- Zainorinyana Jamoran Yana & Vivien WC Yew. 2017. Amalan rewang dalam masyarakat Jawa di Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 13 3: 53-64
- Prof. Dr. Nor Hashimah Jalaluddin
Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
43600 UKM, Bangi Selangor
Email: shima@ukm.edu.my
- Khairul Ashraaf Saari
Fakulti Pendidikan, Kemanusiaan dan Asasi
Geomatika University College
Email: k.ashraaf95@gmail.com
- Dr. Harishon Radzi
Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
43600 UKM, Bangi Selangor
Email: naslin@ukm.edu.my
- Prof Madya Dr Fazal Mohamed Mohamed Sultan
Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
43600 UKM, Bangi Selangor
Email: fazal@ukm.edu.my

Received: 20 April 2020

Accepted: 28 August 2020